

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2011

Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1432 Hijrah/2011 Masehi, Sekolah Perniagaan & Ekonomi turut bersama-sama menyertai perarakan bersempena dengan sambutan tersebut. Majlis yang berlangsung pada 3 Mac 2011 telah disertai oleh kira-kira 100 orang yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran selain penyertaan dari para pelajar. Dengan tema 1 Malaysia, 1 Ummah majlis sambutan berlangsung meriah. Kontijen dari pelbagai jabatan dan unit telah berarak

sambil berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W dari Dataran Canselor menuju ke Dewan Resital di mana majlis sambutan tersebut berlangsung. Majlis turut diserikan dengan penyampaian hadiah bagi kontijen-kontijen yang memenangi beberapa anugerah yang dipertandingkan yang di sempurnakan oleh Naib Canselor UMS Kolonel Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon. SPE telah terpilih untuk menjadi pengajur untuk sambutan pada tahun 2012.

